

MENGHINDARI PERGAULAN BEBAS

16 OGOS 2024 / 11 SAFAR 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ

سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ

وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta'ala

Pergaulan bebas merupakan salah satu penyakit yang melanda umat pada masa kini. Pada zaman pasca modenisasi ini, masalah pergaulan bebas ini sering menular kerana kurangnya didikan agama. Remaja bergaul bebas tanpa mengira

jantina menyebabkan generasi muda yang melihatnya terpengaruh serta memberi impak negatif. Masalah pergaulan bebas boleh dibendung jika semua pihak termasuk agensi kerajaan atau bukan kerajaan bersama-sama berganding bahu membanteras masalah ini. Pihak utama yang perlu mengesan perkara ini ialah ibu bapa, sekolah, dan masyarakat. Secara umumnya, pergaulan bermaksud percampuran. Dalam bahasa Arab, pergaulan disebut sebagai *ikhtilat* yang membawa makna khusus kepada percampuran atau pergaulan antara lelaki dan perempuan yang sah berkahwin dalam pelbagai bentuk interaksi.

Dalam meniti arus kemodenan, isu ini bukan hanya berlaku dalam keadaan berhadapan atau bersemuka, malah pergaulan bebas lebih kerap berlaku dalam media massa kerana kecanggihan teknologi yang memudahkan masyarakat untuk melakukan apa sahaja yang mereka gemari. Antara punca pergaulan bebas dalam golongan remaja ialah, kurangnya keyakinan beragama. Mereka merasakan kehidupan beragama mengongkong kebebasan hidup. Hanya kerana menginginkan keseronokan, mereka tidak mengambil kesah tentang akibat buruknya asalkan mereka merasa kepuasan diri. Akibatnya sangat mudah untuk mereka terjebak dengan perkara yang tidak sepatutnya.

Nafsu dan godaan sukar untuk dilawan kerana kurangnya keyakinan kepada Allah Ta'ala. Berbeza dengan orang yang belajar dan menghayati ilmu agama, maka dia akan mampu menahan dirinya daripada melakukan perkara yang akan menjerumuskan ke lembah maksiat contohnya zina. Kita semua maklum bahawa pergaulan bebas tanpa had atau batasan adalah salah satu punca berlakunya zina. Sebab itulah Allah Ta'ala melarang kita daripada menghampiri zina sebagaimana firman Allah Ta'ala dalam Surah al-Isra' ayat 32:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَا تَقْرَبُوا الزَّيْنَىٰ إِنَّهُ كَانَ فَحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا

Yang bermaksud: ” Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).”

Ayat ini menjelaskan bahawa supaya umat Islam menjauhkan diri dari jalan-jalan yang boleh mendekatkan dengan perbuatan zina seperti berdua-duaan, pergaulan bebas, melayari laman-laman lucah dan sebagainya.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta’ala

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda dalam hadis riwayat Imam Abu Daud Rahimahumullah:

Yang bermaksud: “Arahkan anak-anak kamu untuk mendirikan solat ketika umur mereka tujuh tahun, pukullah (untuk mendidik) mereka ketika umur sepuluh tahun (jika tidak mendirikan solat) dan pisahkan mereka (antara anak lelaki dan perempuan) dari tempat tidur.”

Hadis ini menjelaskan penekanan pergaulan sesama adik beradik dengan mengasingkan tempat tidur ketika berumur sepuluh tahun. Ini menunjukkan Islam amat menekankan penyusunan pergaulan yang murni sama ada dalam kalangan adik beradik mahupun pergaulan dengan masyarakat.

Sidang Jumaat yang dikasihi,

Kewajipan memelihara maruah dan kehormatan diri seharusnya dilakukan oleh setiap muslim. Dalam hal ini, setiap perlakuan dan perbuatan hendaklah dijaga dalam batas-batas pergaulan. Pergaulan bebas menimbulkan pelbagai masalah sosial dalam kalangan umat Islam di negara ini. Pelbagai masalah wujud antaranya remaja lari dari rumah, seks bebas, masalah pembuangan bayi, masalah penagihan dadah yang akhirnya mengakibatkan keruntuhan moral. Kesannya, remaja tidak mempunyai masa depan yang terjamin akibat situasi ini.

Pergaulan bebas antara seseorang wanita dengan lelaki bukan mahram adalah berpunca daripada kejahilan, lemahnya iman, terpengaruh dengan rakan-rakan dan pengaruh media massa. Perbuatan ini boleh merosakkan moral dan peribadi serta menjatuhkan maruah dan imej diri serta keluarga. Sebagaimana tegahan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dan Imam Muslim;

لَا يَخْلُونَ رَجُلٌ بِامْرَأَةٍ إِلَّا وَمَعَهَا ذُو مَحْرَمٍ

Yang bermaksud: *"Tidak dibenarkan seorang lelaki duduk berdua-duaan dengan wanita tanpa dihadiri mahram."*

Pergaulan antara lelaki dan wanita ajnabi (*ikhtilat*) hanya dibenarkan pada keadaan-keadaan tertentu seperti urusan darurat dan urusan keperluan yang melibatkan hubungan sesama manusia berkaitan kemasyarakatan seperti urusan jual beli, penyaksian, urusan kerja, politik, urusan menuntut ilmu, jihad dan keperluan menjalankan urusan kebiasaan seharian. Keharusan ini dibenarkan dengan garis

panduan yang ditetapkan oleh syarak dan tertakluk pada nilai-nilai adab, seperti berikut:

Pertama, tidak berkhalwat (berdua-duaan) antara bukan mahram. Sekiranya ada keperluan mendesak untuk berjumpa, carilah peneman untuk menghindarkan sebarang fitnah.

Kedua, menutup aurat dengan sempurna ketika berhadapan dengan berlainan jantina.

Ketiga, menjaga serta menundukkan pandangan pada kadarnya ketika berurusan secara langsung.

Kempat, golongan perempuan tidak boleh menggunakan suara yang lunak dan manja ketika berkomunikasi dengan lelaki ajnabi serta tidak menunjukkan reaksi dan lenggok badan yang boleh menimbulkan syahwat.

Kelima, tidak bersentuhan antara lelaki dan perempuan bukan mahram.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta'ala

Kesimpulannya, pergaulan sesama manusia sama sekali tidak dilarang di dalam kehidupan mahupun agama, tetapi ia haruslah ada batasannya agar tidak mengakibatkan hal yang tidak diingini. Kita harus mengakui bahawa pergaulan bebas lebih banyak keburukan berbanding kebaikan. Sebenarnya, usaha yang menyeluruh dan proaktif untuk mengatur pergaulan masyarakat supaya bertepatan dengan ajaran Islam dan bebas daripada unsur maksiat.

Oleh itu, semua pihak terutamanya ibu bapa, sekolah malah kerajaan sendiri perlulah mengambil inisiatif tersendiri yang sesuai bagi menyusun cara pergaulan ini. Tuntasnya, punca-punca pergaulan bebas haruslah dielakkan agar individu, masyarakat dan negara dapat hidup dalam keharmonian tanpa kemungkar.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

قُلْ لِلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا مِنْ أَبْصَارِهِمْ وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ذَلِكَ أَزْكَى لَهُمْ إِنَّ اللَّهَ
خَبِيرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ. وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ